

Jerat politik memudaratkan Melayu

KUALA LUMPUR 30 Mei - Orang Melayu seharusnya tidak terjerat dengan dakyah politik atau isu-isu yang dibawa oleh pihak tidak bertanggungjawab bertujuan memecahbelahkan bangsa itu di negara ini.

Pensyarah Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) **Dr. Syed Agil Alsagoff** berkata, seharusnya orang Melayu menumpukan kepada usaha memperkukuhkan perpaduan dan menyokong agenda memartabatkan bangsa terutama dalam bidang pen-

didikan, sosial, ekonomi dan buka bergantung kepada politik semata-mata.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan satu pertubuhan atau organisasi dapat menghimpunkan orang Melayu ditubuhkan yang bukan datang dalam entiti politik.

"Pertubuhan berorientasikan masyarakat telah ditubuhkan berpuluh tahun bagi mewakili kaum Cina dan India di negara ini, dalam erti kata lain orang Melayu seharusnya tidak bergantung kepada parti politik untuk membela nasib mereka.

"Pertubuhan ini akan meneliti dan memperjuangkan isu orang Melayu daripada segenap bidang dan dianggotai semua lapisan masyarakat Melayu termasuk golongan elit dan sarjana," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan semua orang Melayu supaya memulakan langkah untuk merapatkan saf, bersatu-padu, melupakan segala persengketaan dan perselisihan faham.

Sementara itu, Setiausaha Agung Persatuan Penggiat Seni

Alam Melayu (Pernilam), **Esze-ree Rimie Sabry** mendedahkan, pengetahuan cetek terhadap susur galur Melayu menyebabkan jati diri bangsa tersebut khususnya dalam kalangan golongan muda semakin menipis sekaligus mengundang perpecahan.

Berikutan itu, beliau berharap, kerajaan serta individu mula mempergiatkan peranan dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan tentang orang Melayu bagi mencetuskan rasa sayang serta majmuk di antara bangsa berkenaan.